



MS ISO 9001:2008 REG NO KLR 0500197



**KEWAJIPAN • MARUAH • INTEGRITI
UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA**

Rujukan : UPNM(P)01.03/06 (38)

Tarikh : 14 November 2013

Semua Staf,
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia,
Kem Sungai Besi,
Kuala Lumpur.

YBhg. Dato'/Prof/Prof Madya/Dr/Tuan/Puan,

**PEKELILING JABATAN PENDAFTAR BILANGAN 8 TAHUN 2013
PENGURUSAN CUTI KECEMASAN**

.....

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada semua staf UPNM berhubung pengurusan Cuti Kecemasan.

2.0 PENGUATKUASAAN

2.1 Urusan pemantauan aktiviti staf sentiasa dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan semua peraturan Universiti dipatuhi. Sepanjang proses pemantauan tersebut didapati beberapa perlakuan yang sering dilakukan dikalangan staf UPNM ialah kekerapan mengambil **Cuti Kecemasan**. Untuk makluman tiada istilah cuti kecemasan di dalam Perintah Am Bab C tetapi diwujudkan bagi **menangani masalah staf yang bercuti dahulu dan membuat permohonan kemudian. Cuti Kecemasan hanya layak untuk satu (1) hari sahaja.**

- 2.2 Pihak Pengurusan Universiti memandang serius perkara ini kerana melalui pemerhatian yang dibuat didapati staf menganggap **Cuti Kecemasan** adalah perkara biasa sedangkan jika ia dibiarkan berleluasa hanya akan mendatangkan masalah kepada Jabatan / Fakulti / Pusat terutama isu staf terlebih ambil cuti dan kekurangan staf untuk menjalankan tugas pada waktu kritikal. Oleh itu bagi mengelakkan perkara ini berterusan maka semua staf diperingatkan agar dapat merancang cuti bagi memudahkan Ketua Pusat Tanggungjawab (PTj) mengurus dan mentadbir Jabatan / Fakulti / Pusat masing-masing dengan lebih teratur.
- 2.3 Ketua PTj diminta memberikan kerjasama untuk memantau staf masing-masing dan mengambil tindakan sewajarnya. Ketua PTj berhak untuk melulus / tidak meluluskan cuti kecemasan tersebut. Bagi staf yang cuti kecemasannya tidak diluluskan boleh dianggap tidak hadir bertugas tanpa kebenaran.

3.0 TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta.

“KEWAJIPAN, MARUAH, INTEGRITI”

Yang benar,



PROF MADYA DR BIBI ZARJAAN BINTI AKHBAR KHAN

Pendaftar

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

- s.k
- Naib Canselor
 - TNC Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa
 - TNC Hal Ehwal Pelajar dan Alumni
 - TNC Penyelidikan dan Inovasi
 - TNC Jaringan Industri dan Perhubungan Korporat
 - Pegawai - Pegawai Kanan
 - Dekan – Dekan Fakulti
 - Pengerusi GPTI
 - Pengerusi NADIMASA
 - Pengerusi KESUPNA